

KESAN KAEDAH LATIH TUBI GARIS TIGA DALAM MENGURANGKAN KESILAPAN MENULIS HURUF KECIL 'k' DAN 'p' DALAM BAHASA MELAYU MURID TAHUN EMPAT

Oleh

Sheila anak Jamat
sheilyanasyanajayden88@gmail.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk menilai kesan kaedah latih tubi garis tiga dalam mengurangkan kesilapan menulis huruf kecil 'k' dan 'p' dalam ayat Bahasa Melayu murid Tahun Empat. Di samping itu, kajian ini bertujuan menambah baik amalan sendiri dalam mengajar kemahiran menulis huruf besar dan kecil. Hukum Latihan dalam Teori Pelaziman Operan Thorndike (1911) diterapkan dalam kajian ini bagi membantu dua orang peserta kajian dari Tahun Empat. Pengumpulan data adalah melalui kaedah pemerhatian, temu bual tidak berstruktur dan analisis dokumen. Analisis kandungan dan analisis pola digunakan untuk menganalisis data manakala triangulasi masa dan sumber digunakan untuk semakan data. Hasil analisis menunjukkan kaedah latih tubi dapat membantu mengurangkan kesilapan menulis huruf kecil 'k' dan 'p' dua orang murid Tahun Empat. Di samping itu, kaedah ini turut menambah baik amalan pengajaran saya.

Kata kunci: Kaedah latih tubi, garis tiga, huruf kecil, Teori Pelaziman Operan Thorndike, Bahasa Melayu

ABSTRACT

This action research was carried out to study the effect of triple-lined method in reducing mistakes of writing lowercase 'k' and 'p' in Malay Language of two Year Four pupils. Besides that, this action research provided the opportunity to improve my practice in teaching writing skills related to uppercase and lowercase letters. Thorndike's (1911) Operant Conditioning Theory formed the basis of introducing practice through drilling in this research. Data collection was done using observations, unstructured interviews and documents analysis. Content and pattern analysis were used for data analysis whereas triangulation using time and sources were used for data checking. Analysis of data showed that the practice through drilling exercises were effective in reducing the errors in writing lowercase 'k' and 'p' of two Year Four pupils related to Malay language writing. Besides that, my own teaching practices were also improved.

Key-words: Practice through drilling method, triple-lined method, lowercase writing, Thorndike's Operant Conditioning Theory, Malay language

PENGENALAN

Konteks

Saya merupakan seorang guru pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPGK BL) dan kini sedang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda (PISMP) (dengan Kepujian) Bahasa Melayu ambilan Januari 2009. Saya telah

menjalani tiga fasa praktikum di sekolah yang berbeza. Pada fasa praktikum ketiga, saya telah melaksanakan penyelidikan tindakan (PT) di Sekolah Kebangsaan (SK) Wajiji dan telah memilih dua orang murid, Jidi dan Disung (nama samaran), dari kelas Tahun 4 Bikbeng sebagai peserta kajian saya kerana saya mendapati mereka mempunyai masalah dalam kemahiran menulis huruf kecil 'k' dan 'p' dalam ayat Bahasa Melayu.


Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Pada fasa praktikum pertama, saya telah ditempatkan di SK Jawaipi dan mengajar kelas Tahun 5 Missa selama sebulan. Semasa pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (p&p) pada minggu pertama, saya mendapat ramai murid dalam kelas ini lemah dalam kemahiran membaca. Namun begitu, saya tidak berkesempatan untuk membimbing mereka kerana kekangan masa. Tambahan pula, mereka merupakan murid pemulihan tegar.

Pada fasa praktikum kedua pula, saya ditempatkan di SK Senderu dan mengajar kelas Tahun 5 Kara selama dua bulan. Pada fasa praktikum ini, saya turut menemui isu berkaitan kemahiran membaca iaitu lemah dalam membatangkan suku kata. Selain itu, saya juga mendapati murid tersebut lemah dalam kemahiran menulis iaitu kesilapan menggunakan huruf besar dan huruf kecil dalam tulisan. Saya mengambil langkah untuk membimbingnya dengan memberi bimbingan menulis huruf besar dan huruf kecil dalam buku garis tiga. Namun, saya tidak berkesempatan untuk meneruskan bimbingan kerana kekangan masa serta murid tersebut sering tidak menghadirkan diri ke sekolah.


Fokus Kajian

Setelah beberapa kali saya melaksanakan aktiviti p&p di kelas Tahun 4 Bikbeng, saya mendapati ramai murid dari kelas tersebut cenderung mencampuradukkan huruf besar dan huruf kecil dalam ayat. Kesilapan huruf yang sering ditulis ialah huruf-huruf yang mempunyai bentuk yang sama seperti huruf besar 'K', 'P' dan 'S' dan huruf kecil 'k' dan 'p'. Oleh itu, saya telah memilih Jidi dan Disung sebagai peserta kajian setelah saya mendapati mereka cenderung melakukan kesilapan menulis huruf kecil 'k' dan 'p' dalam ayat Bahasa Melayu. Rajah 1 menunjukkan kesilapan yang dilakukan oleh mereka.



Rajah 1. Data awal Jidi dan Disung.

Bagi mengesahkan kesilapan mereka, saya telah melaksanakan aktiviti mengimlak dalam kelas. Rajah 2 menunjukkan hasil pemerhatian saya terhadap latihan mengimlak Jidi dan Disung.



Rajah 2. Kesilapan menulis huruf kecil 'k' dan 'p'.

Rajah 2 menunjukkan kesilapan yang dilakukan oleh Jidi dan Disung semasa aktiviti mengimlak dalam kelas. Setelah melakukan pemerhatian, saya mengambil tindakan dengan menggunakan kaedah latih tubi untuk membantu mereka. Kaedah latih tubi menjadi pilihan saya kerana saya ingin melatih dan menegaskan penulisan huruf yang betul dalam ayat. Bagi mengekalkan pemahaman mereka tentang penulisan huruf besar dan huruf kecil yang betul, saya menggunakan garis tiga. Penggunaan garis tiga adalah bertujuan melatih mereka menulis huruf besar dan huruf kecil mengikut keseragaman dan ketinggian yang sama.

Objektif Kajian

PT ini dilaksanakan berdasarkan objektif-objektif berikut, iaitu:

- membantu Jidi dan Disung untuk mengurangkan kesilapan huruf kecil 'k' dan 'p' dalam ayat Bahasa Melayu dengan menggunakan Kaedah Latih Tubi Garis Tiga; dan
- menambah baik amalan pengajaran saya dalam membantu murid Tahun Empat mengurangkan kesilapan huruf kecil 'k' dan 'p' dalam ayat Bahasa Melayu dengan menggunakan Kaedah Latih Tubi Garis Tiga.

Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian seperti berikut.

- Apakah kesan Kaedah Latih Tubi Garis Tiga terhadap dua orang murid Tahun 4 Bikbeng dalam mengurangkan kesilapan menulis huruf kecil 'k' dan 'p' dalam ayat?
- Bagaimanakah Kaedah Latih Tubi Garis Tiga membantu menambah baik amalan pengajaran saya untuk mengurangkan kesilapan menulis huruf kecil 'k' dan 'p' dalam ayat dua orang murid Tahun 4 Bikbeng?

Perancangan Tindakan

Saya telah melaksanakan kajian ini dengan menggunakan kaedah latih tubi dalam membantu Jidi dan Disung mengurangkan kesilapan huruf kecil 'k' dan 'p' dalam ayat Bahasa Melayu. Kamarudin Husin (1988) menyatakan tujuan latih tubi ialah untuk mencapai taraf penguasaan kemahiran tersebut dan di samping itu, menjamin ketekalannya. Pemilihan kaedah latih tubi ini juga dapat membantu melatih otot-otot tangan. Lina Ping Madang (2010) turut menggunakan kaedah latih tubi dalam membantu peserta memantapkan kemahiran menulis huruf.

Sepanjang pelaksanaan kajian ini, saya telah menerapkan salah satu prinsip pembelajaran yang diperkenalkan oleh Thorndike (1911) iaitu Hukum Latihan. Hukum latihan menegaskan bahawa hubungan rangsangan dan gerak balas akan menjadi kukuh dengan adanya pengulangan dan latihan yang banyak serta

pelbagai. Maka, teori pedagogi ini adalah sejajar dengan prinsip kaedah latih tubi yang saya terapkan terhadap Jidi dan Disung.

Idea menggunakan garis tiga tercetus apabila saya membaca kajian lepas oleh Dayang Norliza Awang Yam (2010) yang turut menyatakan peserta beliau melakukan kesalahan menulis huruf kecil 'k' dan 'p' dan beliau menggunakan garis tiga dalam membantu pesertanya. Velillie Entalai Juan (2010) turut menggunakan teknik garis tiga dalam mengatasi masalah menulis huruf peserta beliau. Muhammad Azizi Rahim (2010) turut menggunakan garis tiga dalam membantu pesertanya mengurangkan kesilapan menulis huruf besar di tengah perkataan Bahasa Melayu. Melalui pembacaan kajian-kajian lepas, saya berpendapat menggunakan garis tiga dapat membantu peserta saya mengurangkan kesilapan huruf kecil 'k' dan 'p' dalam ayat.

Tindakan ini telah saya laksanakan selama enam minggu. Jadual 1 menunjukkan beberapa siri tindakan yang saya jalankan terhadap Jidi dan Disung. Tindakan yang saya laksanakan bermula daripada asas iaitu menulis huruf sehingga menulis wacana. Selepas tindakan, saya melaksanakan penilaian terhadap mereka untuk melihat keberkesanaan kaedah latih tubi garis tiga dalam membantu mengurangkan kesilapan huruf kecil 'k' da 'p'.

Jadual 1

Pelan Pelaksanaan Tindakan

Bil.	Tarikh	Perkara
1	6 Mac 2012	Pratindakan Pertama Menulis 26 Abjad berpandukan carta huruf pada garis tiga
2	8 Mac 2012	Pratindakan Kedua Menulis 26 Abjad tanpa berpandukan carta huruf pada garis tiga
3	9 Mac 2012	Pratindakan Ketiga penilaian menulis 26 abjad pada garis tiga
4	19 Mac 2012	Pelaksanaan Tindakan Menulis Perkataan I pada garis tiga
5	23 Mac 2012	Pelaksanaan Tindakan Menulis Perkataan II pada garis tiga
6	26 Mac 2012	Pelaksanaan Tindakan Menulis Perkataan III pada garis tiga
7	30 Mac 2012	Pelaksanaan Tindakan Menulis Perkataan IV pada garis tiga
8	2 April 2012	Pelaksanaan Tindakan Menulis Ayat I pada garis tiga
9	4 April 2012	Pelaksanaan Tindakan Menulis Ayat II pada garis tiga tona warna
10	9 April 2012	Memberitahu konsep penulisan huruf pada garis tiga tona warna
11	13 April 2012	Pelaksanaan Tindakan Menulis Petikan I pada garis tiga
12	16 April 2012	Pelaksanaan Tindakan Menulis Petikan II pada garis tiga
13	23 April 2012	Penilaian Menulis Petikan Garis dua

Pelaksanaan Tindakan

Pratindakan menulis 26 abjad pada garis tiga (6, 8 dan 9 Mac 2012)

Saya melaksanakan tiga pratindakan terhadap Jidi dan Disung. Saya telah menyediakan carta huruf sebagai panduan mereka semasa menulis huruf. Di samping itu, saya memperkenalkan gaya penulisan huruf yang betul pada garis tiga. Pada pratindakan pertama, saya meminta mereka menulis dengan berpandukan carta huruf. Pada pratindakan kedua pula, saya meminta mereka mengimbas kembali gaya penulisan huruf. Pada tindakan ini, saya membimbing mereka semula jika terdapat kesilapan. Pada pratindakan ketiga pula, saya melakukan penilaian terhadap mereka untuk melihat kefahaman mereka menulis huruf dengan betul pada garis tiga.

Tindakan menulis perkataan pada garis tiga (19, 23, 26 dan 30 April 2012)

Pada tindakan seterusnya, saya memberikan latihan berbentuk perkataan kepada peserta kajian. Latihan yang sama diberikan kepada peserta kajian secara berulang kali. Hal ini adalah untuk memperkukuhkan dan memastikan ketekalan peserta menulis huruf kecil 'k' dan 'p'. Tindakan ini telah dilaksanakan sebanyak empat kali.

Tindakan menulis ayat pada garis tiga (2 dan 4 April 2012)

Saya melaksanakan tindakan menulis ayat setelah peserta kajian saya telah menguasai kemahiran menulis perkataan pada garis tiga. Semasa tindakan ini, saya mengubahsuai garis tiga kepada ton warna setelah mendapati Jidi dan Disung keliru semasa menulis menggunakan garis tiga yang berwarna hitam.

Tindakan menulis wacana pada garis tiga (13 dan 16 April 2012)

Seterusnya saya melaksanakan tindakan menulis wacana setelah mereka menunjukkan prestasi yang memberangsangkan semasa menulis ayat.

Penilaian menulis petikan pada garis dua (23 April 2012)

Saya melaksanakan penilaian terhadap Jidi dan Disung. Penilaian dilaksanakan adalah untuk melihat kesan kaedah latih tubi garis tiga terhadap mereka dalam mengurangkan kesilapan huruf kecil 'k' dan 'p'.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Kajian ini melibatkan diri saya sebagai peserta kajian. Hal ini kerana saya terlibat secara langsung penyelidikan ini untuk menambah baik amalan saya sebagai guru Bahasa Melayu. Selain itu, saya telah memilih dua orang murid iaitu Jidi dan Disung dari kelas Tahun 4 Bikbeng sebagai peserta kajian. Jidi merupakan murid lelaki manakala Disung merupakan murid perempuan.

Etika Penyelidikan

Sebagai penyelidik, saya berpegang teguh dengan etika penyelidikan. Sebelum melaksanakan penyelidikan, saya telah mendapatkan kebenaran daripada guru kelas Bahasa Melayu Tahun 4 Bikbeng, Puan Wonhi untuk melibatkan mereka berdua dalam kajian ini. Beliau telah memberikan kebenaran secara lisan kepada saya. Selain itu, saya berikan surat persetujuan kepada Jidi dan Disung untuk ditandatangani. Saya turut merahsiakan identiti peserta kajian saya dengan memberikan nama samaran kepada mereka.

Kaedah Mengumpul Data

Pemerhatian

Sepanjang pelaksanaan tindakan, saya melakukan pemerhatian terhadap situasi-situasi yang berlaku dan kemudian dipindahkan ke dalam nota lapangan. Saya turut membuat rakaman visual untuk menyokong kajian saya.

Analisis dokumen

Sepanjang pelaksanaan kajian ini, saya juga menggunakan analisis dokumen untuk mendapatkan data daripada peserta kajian. Data daripada lembaran kerja dapat menunjukkan perkembangan Jidi dan Disung dalam menulis huruf kecil 'k' dan 'p' dalam ayat.

Temu bual tidak berstruktur

Saya menggunakan temu bual tidak berstruktur kerana lebih bersifat terbuka dan tidak terikat. Secara tidak langsung, melalui temu bual jenis ini juga, saya dapat mengumpul lebih banyak maklumat mengenai isu-isu yang dihadapi oleh peserta. Malahan soalan yang dikemukakan boleh diubahsuai dengan kecerdasan dan pemahaman peserta agar saya lebih menyelami kesukaran yang dihadapi oleh peserta.

Kaedah Menganalisis Data Analisis kandungan

Saya menganalisis kandungan lembaran kerja peserta kajian. Saya memberikan simbol kepada kesilapan yang terdapat dalam lembaran kerja murid. Hal ini adalah untuk memudahkan saya merumuskan perkembangan peserta kajian penulisan. Selain itu, saya menganalisis nota lapangan dan membuat refleksi. Berdasarkan nota lapangan tersebut, saya membahagikan kepada catatan kategori iaitu kelebihan, kelemahan dan penambahbaikan.

<p>1. Masalah pencemaran sungai itu berpunca daripada kegiatan pembalakan hutan di kawasan bukit. Masalah pencemaran sungai itu berpunca daripada kegiatan pembalakan hutan di kawasan bukit. Kawasan bukit</p> <p>2. Peserta yang dari Nepal itu akan mula bekerja sebagai pengawal keselamatan pada minggu hadapan. Peserta yang dari Nepal itu akan mula bekerja sebagai pengawal keselamatan pada minggu hadapan. Kesejahteraan pada minggu hadapan</p> <p>3. Pemasangan itu dibang oleh peserta sebuah syarikat pembalakan. Pemasangan itu dibang oleh peserta sebuah syarikat pembalakan. Pemasangan itu dibang oleh peserta sebuah syarikat pembalakan.</p> <p>4. Kerja pemasangan paip itu menyebabkan beberapa buah kampung mengalami gangguan bekalan air. Kerja pemasangan paip itu menyebabkan beberapa buah kampung mengalami gangguan bekalan air.</p>	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Nota Lapangan</th> <th>Peserta</th> <th>Refleksi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td></td> <td></td> <td>Kelebihan: - Menjalankan tugas</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td>Kelemahan: - Tidak menitikberatkan arahan yang diben - Tidak berminat dengan aktiviti yang dijalankan</td> </tr> <tr> <td>NU/Bil.03</td> <td>Jidi</td> <td>Penambahbaikan: - Memberikan tumpuan perhatian semasa membuat latihan.</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td>Kelebihan: - Mempunyai usaha untuk menyiapkan tugas</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Disung</td> <td>Kelemahan: - Masih memerlukan masa untuk menulis kerana membaca abjad- abjad mengikut urutan</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td>Penambahbaikan: - Memberikan penghargaan berbentuk pujian untuk meningkatkan motivasi</td> </tr> </tbody> </table>	Nota Lapangan	Peserta	Refleksi			Kelebihan: - Menjalankan tugas			Kelemahan: - Tidak menitikberatkan arahan yang diben - Tidak berminat dengan aktiviti yang dijalankan	NU/Bil.03	Jidi	Penambahbaikan: - Memberikan tumpuan perhatian semasa membuat latihan.			Kelebihan: - Mempunyai usaha untuk menyiapkan tugas		Disung	Kelemahan: - Masih memerlukan masa untuk menulis kerana membaca abjad- abjad mengikut urutan			Penambahbaikan: - Memberikan penghargaan berbentuk pujian untuk meningkatkan motivasi
Nota Lapangan	Peserta	Refleksi																				
		Kelebihan: - Menjalankan tugas																				
		Kelemahan: - Tidak menitikberatkan arahan yang diben - Tidak berminat dengan aktiviti yang dijalankan																				
NU/Bil.03	Jidi	Penambahbaikan: - Memberikan tumpuan perhatian semasa membuat latihan.																				
		Kelebihan: - Mempunyai usaha untuk menyiapkan tugas																				
	Disung	Kelemahan: - Masih memerlukan masa untuk menulis kerana membaca abjad- abjad mengikut urutan																				
		Penambahbaikan: - Memberikan penghargaan berbentuk pujian untuk meningkatkan motivasi																				

Rajah 3. Analisis kandungan.

Analisis pola

Saya menganalisis jumlah kekerapan kesilapan huruf kecil 'k' dan 'p'. Dengan ini, saya dapat membuat perbandingan dari segi perkembangan tulisan peserta kajian. Bagi menyatakan pola kesalahan yang kerap dilakukan oleh Jidi dan Disung, saya pindahkan ke dalam bentuk jadual. Saya turut melakukan analisis terhadap transkrip temu bual, ini adalah untuk melihat pola persamaan dan perbezaan perasaan peserta semasa tindakan. Rajah 4 merupakan analisis pola yang saya lakukan.

Lembaran kerja		Bilangan Kesilapan Huruf Kecil	
(Tarikh)	Peserta	k	p
Lembaran kerja garis biasa (20 Februari 2012)	Jidi	13/25	16/16
	Disung	25/25	16/16
Lembaran kerja garis tiga (13 April 2012)	Jidi	0/11	2/10
	Disung	0/11	0/10

Transkrip Temu Bual	Tema	Peserta		Interpretasi
		Jidi	Disung	
TBI090412/BI.7	Selesa			<ul style="list-style-type: none"> Jidi dan Disung tidak beminat dengan aktiviti menulis. Mereka cuba mengelekkan diri untuk menyiapkan latihan. Aktiviti yang dilaksanakan di dalam kelas dan masa pelaksanaan aktiviti ini sebelum rehat.
	Idak Selesa			
	Beminat			
	Idak Beminat			
	Faham			
	Idak Faham			
Biasa				
Idak Biasa				

Rajah 4. Analisis pola persamaan dan perbezaan.

Kaedah Menyemak Data Triangulasi masa

Triangulasi masa merupakan satu proses pengumpulan data dalam sesuatu tempoh yang boleh digunakan untuk melihat perkembangan murid dari semasa ke semasa. Dalam triangulasi masa, saya menyemak hasil kerja murid dan membuat perbandingan perkembangan dari semasa ke semasa. Di samping itu, saya membuat perbandingan terhadap hasil kerja murid sebelum tindakan dengan selepas tindakan seperti yang ditunjukkan pada jadual.

Triangulasi sumber

Bagi penyemakan data, saya mendapatkan kerjasama daripada rakan sepraktikum untuk membuat penyemakan lembaran kerja murid. Semakan yang dilakukan oleh pihak kedua dapat mengesahkan semakan yang telah saya lakukan.

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

- **Apakah kesan Kaedah Latih Tubi Garis Tiga terhadap dua orang murid Tahun 4 Bikbeng dalam mengurangkan kesilapan menulis huruf kecil 'k' dan 'p' dalam ayat?**

Kaedah latih tubi garis tiga yang dilaksanakan menyebabkan Jidi dan Disung kurang melakukan kesilapan huruf kecil 'k' dan 'p' dalam ayat. Jadual 2 menunjukkan perkembangan Jidi dan Disung.

Jadual 2

Kekerapan Kesilapan Huruf Kecil 'k' dan 'p' dalam Ayat

Lembaran kerja		Bilangan Kesilapan Huruf Kecil	
(Tarikh)	Peserta	k	p
Lembaran kerja garis biasa (20 Februari 2012)	Jidi	13/25	16/16
	Disung	25/25	16/16
Lembaran kerja garis tiga (13 April 2012)	Jidi	0/11	2/10
	Disung	0/11	0/10

Jadual 2 jelas menunjukkan perubahan pada Jidi dan Disung dari segi kekerapan kesilapan menulis huruf kecil 'k' dan 'p' dalam ayat. Pada lembaran kerja garis biasa, Jidi melakukan kesilapan huruf kecil 'k' sebanyak 13 huruf daripada 25 huruf

yang ada manakala bagi huruf kecil 'p' pula 16 daripada 16 huruf yang ada. Disung pula melakukan kesilapan untuk kesemua huruf kecil 'k' dan 'p' dalam ayat. Setelah melalui beberapa siri tindakan, Jidi kurang melakukan kesilapan huruf kecil 'k' dan 'p'. Disung turut menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan apabila dia tidak melakukan kesilapan huruf kecil.


Selain itu, Jidi dan Disung memahami konsep penulisan huruf pada garis tiga setelah melalui beberapa tindakan yang melibatkan latih tubi. Pemahaman peserta tentang konsep penulisan huruf pada garis tiga dapat dijelaskan pada transkrip temu bual berikut.

<p>Saya : Boleh cikgu tahu mengapa awak tidak tulis huruf kecil 'k' dan 'p' seperti huruf besar lagi?</p> <p>Jidi : Cikgu, sikit nyuruh. (<i>Terjemahan: Cikgu, tidak membenarkan.</i>)</p> <p>Disung : Cikgu madah jangan tulis huruf besar. (<i>Terjemahan: Cikgu beritahu jangan menulis huruf besar lagi.</i>)</p> <p>Saya : Adakah kamu akan menulis huruf kecil 'k' dan 'p' seperti huruf besar lagi?</p> <p>Jidi : Sikit (<i>tersengih</i>). Selalu nulis. (<i>Terjemahan: Tidak. Selalu menulis</i>)</p> <p>Disung : (<i>menggelengkan kepala</i>) Selalu molah. (<i>Terjemahan: Selalu buat</i>)</p>	<p>Soalan</p> <p>Latih tubi membolehkan mereka faham dengan konsep penulisan huruf pada garis tiga.</p>
---	---

TB/200412/Bil.10

Jidi dan Disung menjelaskan mereka tidak melakukan kesilapan huruf kecil 'k' dan 'p' kerana mereka telah selalu menulis. Perkara ini jelas menunjukkan kaedah latih tubi yang dipraktikkan membolehkan mereka memahami konsep penulisan huruf kecil 'k' dan 'p' pada garis tiga.

Saya telah melaksanakan penilaian selepas tindakan bertujuan untuk melihat kesan kaedah latih tubi garis tiga terhadap Jidi dan Disung. Rajah 5 menunjukkan hasil penulisan Disung sebelum tindakan dan lepas tindakan.



Rajah 5. Hasil penulisan Disung sebelum dan selepas tindakan.



Disung melakukan kesilapan huruf kecil 'k' dan 'p' serta gaya penulisan Disung yang tidak kemas dan sukar dibaca sebelum latih tubi diambil. Disung tidak melakukan sebarang kesilapan malahan penulisannya lebih kemas dan teratur

selepas tindakan memperkenalkan latih tubi dilaksanakan. Saya telah melakukan temu bual bersama-sama Disung.

<p>Saya : Awak suka tulisan ini? Disung : Suka (<i>anggukan kepala</i>) Saya : Boleh cikgu tahu mengapa awak suka? Disung : Kemas. (<i>tersenyum</i>) Saya : Bagaimana awak boleh menulis dengan kemas? Disung : Huruf tok tinggi (tunjuk huruf besar). Huruf tok dibah (tunjuk huruf kecil) Terjemahan: Huruf besar lebih tinggi daripada huruf kecil.</p> <p style="text-align: right;">TB/DSG/090712/Bil.11</p>	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px;">Suka dengan gaya penulisannya kini.</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;">Telah memahami konsep penulisan huruf besar dan kecil.</div>
---	---

Disung menyatakan “suka” dengan gaya penulisannya kini kerana “kemas” dan dia menunjukkan dapat memahami konsep penulisan huruf besar dan kecil.

Rajah 6 pula menunjukkan hasil penulisan Jidi sebelum tindakan dan selepas tindakan.

 <p style="text-align: center;">Sebelum tindakan.</p>	 <p style="text-align: center;">Selepas tindakan.</p>
---	--

Rajah 6. Hasil penulisan Jidi sebelum dan selepas tindakan.


Sebelum tindakan, hasil penulisan Jidi menunjukkan terdapat kesilapan huruf kecil 'k' dan 'p'. Selain itu, penulisannya juga kurang kemas dan sukar untuk dibaca. Selepas tindakan, Jidi menunjukkan dapat mengurangkan kesilapan menulis huruf kecil 'p' namun begitu dia masih melakukan kesilapan huruf kecil 'k'. Malahan gaya penulisannya tidak seragam dan terdapat kesilapan penulisan huruf lain. Kaedah latih tubi kurang berjaya pada Jidi. Saya telah melakukan temu bual dengan Jidi seperti yang ditunjukkan pada transkrip berikut.

<p>Saya : Adakah awak masih ingat cara menulis huruf kecil 'k'? Jidi : tersengih dan mengangkat bahu). Saya : Boleh cikgu tahu mengapa awak tulis huruf kecil 'k' salah? Jidi : Slik biasa. (<i>Terjemahan: Tidak biasa</i>) Saya : Mengapa tidak biasa? Jidi : Slik suka nulis (menggelengkan kepala). Penat. (<i>Terjemahan: Tidak suka menulis. Penat</i>)</p> <p style="text-align: right;">TB/JDI/090712/Bil.11</p>	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px;">Tidak dapat mengaplikasikan garis tiga.</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px;">Tidak dapat membiasakan diri.</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;">Sikap tidak gemar menulis menyebabkan respon negatif.</div>
---	---

Jidi menyatakan “tidak biasa” apabila saya menanyakannya masih melakukan kesilapan huruf kecil ‘k’ dan sikap tidak gemar menulis menyebabkan Jidi menunjukkan perkembangan yang kurang memberangsangkan.

- **Bagaimanakah Kaedah Latih Tubi Garis Tiga membantu menambah baik amalan pengajaran saya untuk mengurangkan kesilapan menulis huruf kecil ‘k’ dan ‘p’ dalam ayat dua orang murid Tahun 4 Bikbeng?**

PT ini membolehkan saya menambah baik amalan pengajaran saya dalam kemahiran menulis. Saya menggunakan teori dan strategi dalam membantu mengatasi masalah yang dihadapi oleh peserta. Jika sebelum ini, saya hanya memberikan teguran secara lisan sahaja. Saya menghasilkan carta huruf sebagai panduan kepada peserta untuk gaya penulisan huruf yang betul. Rajah 7 merupakan carta huruf yang saya sediakan.



Rajah 7. Carta huruf.

Melalui PT ini juga, saya dapat mengenali pasti tahap kecerdasan setiap murid. Saya dapat merancang dan melaksanakan tindakan berdasarkan pencapaian murid. Pengalaman melaksanakan tindakan ke atas dua peserta yang memberikan maklum balas yang berlainan memberi kesedaran kepada saya untuk memperbaiki amalan pengajaran saya pada masa akan datang.

Refleksi Penilaian Tindakan

Sepanjang PT ini, saya berpeluang memantau perkembangan kemahiran menulis Jidi dan Disung. Secara keseluruhannya, Jidi dan Disung menunjukkan perkembangan yang positif yakni mereka dapat mengurangkan kesilapan menulis huruf kecil ‘k’ dan ‘p’ dalam ayat. Prinsip pembelajaran Hukum Latihan yang diperkenalkan oleh Thorndike yang saya terapkan semasa pelaksanaan PT ini memberikan impak yang memberangsangkan. Hal ini disokong dengan pernyataan daripada Kamarudin Husin (1988) “...tujuan latih tubi ialah untuk mencapai taraf penguasaan kemahiran tersebut dan di samping itu menjamin ketekalannya.” (ms.108). Antara kajian lepas yang menggunakan kaedah latih tubi ialah Lina Ping Madang (2010) dan Dayang Norliza Awang Yam (2010).

Penggunaan garis tiga merupakan asas latihan kemahiran menulis mekanis. Oleh itu, saya menggunakan garis tiga semasa melaksanakan PT untuk melatih semula Jidi dan Disung memperbaiki gaya penulisan huruf yang seragam. Penggunaan garis tiga yang saya gunakan dalam membantu Jidi dan Disung mengurangkan kesilapan huruf kecil ‘k’ dan ‘p’. Kesan penggunaan garis tiga ini menyokong dapatan kajian-kajian lepas, antaranya kajian oleh Dayang Norliza Awang Yam (2010), Velillie Entalai Juan (2010) dan Muhammad Azizi Rahim (2010).

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Refleksi amalan profesional sebagai bakal guru

Schon (1987), Sparks-Langer (1992) dan Zeicher & Liston (1996) (dalam Noriati A.Rashid, Bon Pong Ying & Wong Kiet Wah, 2010) menyatakan aliran pendidikan guru pada masa kini memberikan penekanan kepada penghasilan guru yang reflektif, mampu melibatkan diri dalam proses inkuiri terhadap amalan diri dari segi sosial, emosi dan akademik. PT ini turut menjadikan saya guru reflektif melalui proses inkuiri.

Hasil dapatan PT ini telah memberikan satu pandangan yang baharu kepada saya dan menjadikan saya lebih prihatin dalam mengatasi isu yang dihadapi oleh murid-murid, amnya kemahiran-kemahiran Bahasa Melayu. Selain itu, melalui PT ini, saya dapat mengembangkan pengetahuan dan kemahiran-kemahiran dalam diri saya sebagai guru bagi mempertingkatkan kualiti profesionalisme saya. Bagi membantu peserta kajian saya dalam PT ini, saya mendapatkan maklumat tentang teori pembelajaran dan kaedah-kaedah yang bersesuaian. Secara tidak langsung, saya telah mengamalkan amalan membaca.

Di samping itu, sepanjang saya melaksanakan PT ini, saya berpeluang mempelajari cara berkomunikasi dengan pihak sekolah dan murid-murid. Dengan ini, keyakinan diri saya sebagai seorang pendidik dapat dipertingkatkan. Malahan, PT ini memberi kesediaan kepada saya untuk berhadapan dengan situasi sebenar sebagai seorang pendidik.

Refleksi amalan profesional sebagai penyelidik

PT ini merupakan pengalaman baharu kepada saya dalam proses menjadi seorang penyelidik dalam bidang pendidikan. Saya berpeluang mempelajari cara mengumpul, menganalisis dan menyampaikan maklumat tentang sesuatu isu secara saintifik. Justeru, saya turut berpeluang mempelajari cara mengubahsuai perancangan untuk memenuhi keperluan murid. Hal ini sejajar dengan pernyataan memberi pendidikan yang berkualiti dan bermakna kepada generasi baharu.

Melalui PT ini juga, saya berupaya memahami dan mendalami masalah yang dihadapi oleh murid sehingga menyebabkan mereka kurang menyerlah dalam bidang tertentu. Saya berpeluang untuk menggunakan teori pembelajaran dalam membantu peserta kajian. Melalui teori pembelajaran, saya dapat menerapkan unsur-unsur kemahiran belajar dan kemahiran berfikir dalam diri murid.

Pelaksanaan PT ini telah memberikan pendedahan kepada saya tentang etika penyelidikan. Dalam mematuhi etika penyelidikan, saya memastikan saya menghormati hak-hak peserta dan mampu menjaga kebajikan mereka secara psikologikal, sosial dan fizikal.

Kekuatan dan Kelemahan Penyelidikan Tindakan

Pelaksanaan PT ini memberi kesan positif kepada Disung manakala tidak pada Jidi. Perkembangan positif yang berlaku pada Disung menjelaskan kesan teori pembelajaran Pelaziman Operan Thorndike (1911). Di samping itu, gaya penulisan huruf lebih teratur dan mudah dibaca. Secara tidak langsung, kaedah latih tubi membantu membaiki kekemasan tulisan murid. Pelaksanaan PT ini juga memberi kesan positif kepada saya apabila saya dapat meningkatkan amalan p&p semasa mengajar kemahiran menulis.

Kelemahan PT ini adalah kaedah latih tubi kurang berkesan bagi Jidi dan kadangkala mendatangkan kebosanan kepada peserta melakukan latihan yang sama dan berulang. Selain itu, wujud kekeliruan semasa peserta menulis pangkal huruf yang mengandungi huruf 'k' dan 'p'. Perkara ini, berbalik kepada penekanan lebih kepada huruf kecil 'k' dan 'p' sahaja. Selain itu, kekangan masa yang saya hadapi sepanjang pelaksanaan PT ini menyebabkan saya tidak dapat menumpukan sepenuh usaha dalam membantu peserta kajian saya.

Cadangan Tindakan untuk Kitaran Seterusnya

Hasil dapatan daripada penyelidikan ini menunjukkan perkembangan yang positif kepada Disung. Namun, tidak pada Jidi. Mungkin pada kajian seterusnya, saya ingin melaksanakan bimbingan secara individu dan masih menekankan aspek penulisan huruf besar dan huruf kecil menggunakan garis secara berperingkat. Saya akan menggunakan ton warna untuk membezakan garis untuk membantu Jidi memahami cara penulisan huruf kecil dan huruf besar dengan betul.

RUJUKAN

- Dayang Norliza Awang Yem. (2010). Kesan Kaedah Ansur Maju dalam Mengurangkan Kekerapan Kesalahan Menulis Huruf Kecil 'k' dan 'p' Murid Tahun Lima. *Buku Koleksi Artikel PT, Seminar PT Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah)*,110-125.
- Kamarudin Husin. (1988). *Pedagogi Bahasa*. Petaling Jaya: Longman Malaysia.
- Lina Ping Madang. (2010). Penggunaan Kertas Kotak Bergaris Dalam Membantu Murid Tahun Dua Menulis Huruf 'J' Besar dan Kecil Dengan Betul Semasa Menjawab Soalan Pemahaman Bahasa Melayu. *Buku Koleksi Artikel PT, Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah)*,157-171.
- Muhammad Azizi Rahim. (2010). Kesan Bimbingan Individu Dalam Mengurangkan Kesilapan Menulis Huruf Besar Di Tengah Perkataan Bahasa Melayu Murid Tahun Lima. *Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan, Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah)*, 224-237
- Noriati A.Rashid, Boon Pong Ying & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, (2009). *Siri Pendidikan Guru: Murid dan alam belajar*. Selangor: Oxford Fajar.
- Noriati A.Rashid, Boon Pong Ying & Wong Kiet Wah. (2010). *Siri Pendidikan Guru: Asas kepimpinan dan perkembangan profesional guru*. Selangor: Oxford Fajar.
- Velillie Entalai Juan. (2010). Teknik Garis Tiga Dalam Mengatasi Masalah Menulis Huruf Besar Ayat Bahasa Melayu Murid Tahun Tiga. *Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan, Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah)*, 250-259.